

Suasana di AS positif terima kunjungan PM

BM - 7 MAY 2002

KUALA LUMPUR, 7 Mei — Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan suasana di Amerika Syarikat sebagai sangat positif untuk menerima kunjungan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu depan.

Najib berkata, berdasarkan maklumat ketika lawatannya ke Amerika, keadaan semasa memberi petanda awal bahawa kunjungan Perdana Menteri akan menjadi kemuncak dalam meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri akan berada di Washington dari 13 hingga 15 Mei ini.

Najib berkata, hasil perbincangannya dengan rakan sejawatannya. Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat Donald Rumsfeld, Amerika faham dengan tindakan Malaysia sebagai negara Islam dalam menangani isu keganasan.

“Mereka tahu dan faham tindakan kita serta tidak kisah dengan apa yang kita lakukan asalkan matlamatnya adalah sama iaitu menghapuskan keganasan.

“Mereka faham kerajaan di negara Islam harus dibenarkan menggunakan pendekatan masing-masing dalam memerangi keganasan dan aktiviti militan kerana hanya mereka yang lebih faham mengenai masalah politik, ekonomi dan keagamaan di negara sendiri.

“Walaupun kita berbeza pendapat dalam beberapa isu aniarabangsa itu tidak bermakna kita tidak boleh bekerjasama dalam isu serantau atau global,” katanya pada sidang akhbar selepas menerima kunjungan Setiausaha Pertahanan Filipina, Angelo T Reyes, di pejabatnya, hari ini.

Semalam, Najib pulang ke ibu negara selepas mengadakan lawatan rasmi empat hari ke Amerika Syarikat. Lawatan itu turut diiringi Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia, Lt Jen Datuk Mohd Sharom Nordin; Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan Malaysia, Mej Jen Datuk Wan Abu Bakar Omar dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Siti Azizah Abod.